



**PANDUAN PENTAULIAHAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN MELALUI SISTEM
LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB) DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN
KEMAHIRAN MALAYSIA BERASASKAN KOD AMALAN PENTAULIAHAN
PROGRAM TVET
(*CODE OF PRACTICE FOR TVET PROGRAMME ACCREDITATION - COPTPA*)**

PERSIJILAN PROGRAM PENUH

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
MALAYSIA**

1 April 2021

(Dikemaskini 1 November 2023)

KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	5
2.0	TUJUAN	6
3.0	TAFSIRAN	7
4.0	SENARAI RINGKASAN	11
5.0	KRITERIA DAN STANDARD COPTPA	13
5.1	Standard COPTPA	13
5.2	Kriteria Pentauliahan	13
5.3	Premis Latihan	14
5.4	Pemilikan PLK/ PB	14
5.5	Nama PLK/ PB	16
5.6	Kemudahan Fizikal	16
5.6.1	Infrastruktur	16
5.6.2	Kelengkapan, Peralatan dan Bahan Latihan	17
5.7	Struktur Kurikulum	18
5.7.1	Modul Teras (<i>Discipline Core Modules</i>)	18
5.7.2	Modul Wajib (<i>Compulsory Modules</i>)	19
5.8	Personel Pentauliahan	21
5.8.1	Pengurus Pusat Bertauliah (PPB)	22
5.8.2	Pegawai Pengesah Dalam (PPD)	23
5.8.3	Pegawai Penilai (PP)	24
5.8.4	Tenaga Pengajar (TP)	30
5.9	Kapasiti Pelatih	31
6.0	STRUKTUR PENTAULIAHAN PROGRAM	33
7.0	TEMPOH LATIHAN	34
8.0	NILAI MATA KREDIT	37
9.0	PERMOHONAN PENTAULIAHAN	40

10.0	TADBIR URUS PUSAT BERTAULIAH	42
10.1	Pelaksanaan Latihan	42
10.2	Penasihat Teknikal (<i>Technical Advisor</i> , TA)	43
10.3	Jawatankuasa Penasihat Teknikal (<i>Technical Advisory Committee</i> , TAC)	44
10.4	Panel Penilaian Pusat Bertauliah (PPPB)	45
11.0	KELULUSAN PENTAULIAHAN	45
12.0	MEMPAMERKAN SIJIL PENTAULIAHAN	46
13.0	TANGGUNGJAWAB PUSAT BERTAULIAH	46
14.0	GANTIAN SIJIL PENTAULIAHAN YANG HILANG ATAU ROSAK	46
15.0	PENUTUP	47
16.0	TARIKH KUAT KUASA	47

LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran 1	Panduan Permohonan dan Penilaian Program TVET
Lampiran 2	Syarat-Syarat Tambahan Bagi Program Yang Melibatkan Badan Berkuasa Dan Perlesenan
Lampiran 3	Sijil Teknik Mengajar Yang Diluluskan Oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Lampiran 4	Senarai semak dokumen permohonan
Lampiran 5	Carta alir proses pendaftaran MQR

**PANDUAN PENTAULIAHAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN MELALUI SISTEM
LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB) DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN
KEMAHIRAN MALAYSIA BERASASKAN KOD AMALAN PENTAULIAHAN
PROGRAM TVET
(CODE OF PRACTICE FOR TVET PROGRAMME ACCREDITATION - COPTPA)**

PERSIJILAN PROGRAM PENUH

1.0 PENDAHULUAN

Dokumen ini merupakan satu garis panduan berkenaan Pelaksanaan dan Syarat Pentaualihan Pusat Bertauliah di bawah SLaPB melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard* -NOSS). Panduan ini dibangunkan selaras dengan kriteria pentaualihan yang ditetapkan di bawah Seksyen 23 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan hendaklah dibaca bersama Kod Amalan Pentaualihan Program TVET (*Code of Practice for TVET Programme Accreditation* - COPTPA) yang sedang berkuat kuasa.

COPTPA merupakan Kod Amalan Akreditasi Program TVET di dalam Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training*, TVET) Malaysia.

COPTPA dibangunkan secara bersama oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysia Qualification Agency- MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) menjadi rujukan kepada pihak berkepentingan TVET negara dalam usaha untuk menyelaraskan dan menyatukan sistem jaminan kualiti yang pelbagai ke dalam Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional.

2.0 TUJUAN

2.1 Panduan ini bertujuan untuk menetapkan keperluan berkaitan kriteria permohonan pentauliahan, pembaharuan, penambahan, pindaan maklumat pentauliahan dan sistem jaminan mutu program latihan di bawah SPKM yang dilaksanakan melalui kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB). Bagi memastikan kualiti SPKM, panduan ini perlu dibaca bersama:

- a. Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652];
- b. *Code of Practice For TVET Programme Accreditation (COPTPA)*;
- c. Panduan Pelaksanaan Latihan Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program TVET; dan
- d. Panduan-panduan / Pekeliling berkaitan SLaPB yang sedang berkuatkuasa.

2.2 Panduan ini tidak terpakai bagi program berikut:

- a. Bidang pelancongan di bawah pelesenan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia (MoTAC);
- b. Program di bawah *area Vocational Training* / Latihan Vokasional;
- c. Standard Keterampilan Kebangsaan (*National Competency Standard* -NCS);
- d. Program *Micro Credential* (MC);
- e. Program *Non Destructive Testing* (NDT);
- f. Program yang ditauliahkan berdasarkan Kod Amalan Pentauliahan Program Kemahiran (KAPPK); dan
- g. Mana-mana program yang ditentukan oleh KPPK.

3.0 TAFSIRAN

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“Akta 652” ertinya Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006;

“Ahli Panel Penilai” ertinya ahli panel yang berdaftar di bawah JPK berdasarkan kepada bidang kemahiran yang akan dinilai untuk pentauliahandan terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang pegawai JPK dan sekurang-kurangnya seorang personel yang berkeelayakan dalam bidang dan diperakukan oleh KPPK;

“Daftar Standard” ertinya satu dokumen yang menyenaraikan tajuk-tajuk pekerjaan bagi semua Standard yang telah diwujudkan di bawah Akta 652;

“Jawatankuasa Penasihat Teknikal (*Technical Advisory Committee*)” ertinya jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil industri bidang berkenaan, Pengurus Pusat Bertauliah dan Pegawai Pengesah Dalamam;

“Ketua Pengarah” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah Seksyen 17 Akta 652;

“kurikulum” ertinya kandungan anjuran suatu program latihan yang telah dibuat berdasarkan NOSS oleh suatu penyedia latihan kemahiran yang menunjukkan aktiviti yang dijalankan, masa yang diperuntukkan kepada setiap aktiviti dan turutannya;

“Latihan Industri” ertinya pendedahan kepada pelatih bagi mengaplikasikan latihan di pusat bertauliah dengan pekerjaan sebenar selaras dengan kehendak industri dalam bidang berkaitan;

“Modul Penyedia TVET” ertinya satu unit pembelajaran atau latihan yang merangkumi sebahagian daripada kursus dan dianggap sebagai satu komponen yang membentuk kompetensi bagi bidang kemahiran sesuatu pekerjaan;

“pakej pembelajaran” ertinya dokumen latihan yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran berasaskan Standard;

“Pegawai Pengesah Dalaman” ertinya seseorang yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan pengesahan/penentusahan dalaman hanya di Pusat Bertauliah yang ditetapkan;

“Pegawai Penilai” ertinya pengajar di Pusat Bertauliah yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan latihan dan penilaian keterampilan pelatih hanya di Pusat Bertauliah yang ditetapkan;

“Pegawai Penilai Sepenuh Masa” ertinya personel lantikan tetap Pusat Bertauliah yang mengajar di Pusat Bertauliah berkenaan melebihi 20 jam seminggu;

“Pegawai Penilai Separuh Masa” ertinya personel lantikan sementara Pusat Bertauliah yang mengajar kurang daripada 20 jam seminggu;

“Penasihat Teknikal Industri” ertinya wakil industri program berkenaan yang ditauliahkan;

“Tenaga Pengajar” ertinya personel di Pusat Bertauliah yang memenuhi kelayakan dan diperakui oleh Ketua Pengarah untuk mengajar pelatih di Pusat Bertauliah yang ditetapkan;

“Pengajar TVET” ertinya Pegawai Penilai (PP) dan Tenaga Pengajar (TP);

“Pegawai Pengesah Luaran” ertinya seseorang personel yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penentusahan luaran di Pusat Bertauliah;

“Pengurus Pusat Bertauliah” ertinya seseorang yang diberikan kuasa oleh pemilik Pusat Bertauliah dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk mentadbir

pelaksanaan pentauliahan;

“Personel Pentauliahan” ertinya seseorang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai Pengurus Pusat Bertauliah, Pegawai Pengesah Dalam atau Pegawai Penilai yang terlibat secara langsung dalam sistem jaminan kualiti Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

“Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Personel Pentauliahan” ertinya pengiktirafan yang diberikan kepada mana-mana personel pentauliahan yang telah memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah;

“pentauliahan” sebagaimana tafsiran dalam Akta 652 ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“Penyedia Latihan Kemahiran” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak Standard berkaitan;

“Pusat Bertauliah” sebagaimana tafsiran dalam Akta 652 ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu sijil;

“Penyedia TVET” merujuk kepada Pusat Bertauliah bagi menjelaskan pelaksanaan di bawah COPTPA;

“Pendedahan Industri” Pengalaman pelatih yang diperolehi melalui lawatan lapangan di industri atau organisasi yang bersesuaian dengan bidang mereka;

“pelatih” ertinya seseorang yang menerima latihan kemahiran yang disediakan oleh penyedia latihan kemahiran;

“Pihak Berkuasa” ertinya mana-mana agensi Kerajaan yang bertanggungjawab

mengesahkan sesuatu premis adalah sah di sisi undang-undang dan selamat untuk menjalankan latihan kemahiran;

“program” ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam Daftar Standard;

“premis” ertinya mana-mana bangunan atau tempat lain yang digunakan untuk pengurusan dan latihan serta diperakukan oleh Pihak Berkuasa;

“program bertauliah” sebagaimana tafsiran dalam Akta 652 ertinya program latihan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah;

“Sijil” sebagaimana tafsiran dalam Akta 652 ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah Seksyen 34 Akta 652;

“Sijil Teknik Mengajar” ertinya sijil kelayakan mengajar yang setara dan diperakukan oleh Ketua Pengarah;

“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) / (*National Occupational Skill Standard, NOSS*)” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja yang bekerja di Malaysia dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta 652;

“Tool, Equipment and Materials (TEM)” ertinya senarai peralatan, kelengkapan dan bahan yang perlu digunakan untuk melengkapkan unit kompetensi (CU) di dalam Standard;

“tahap” ertinya tingkatan kemahiran dalam satu bidang pekerjaan dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan;

“Joint Technical Committee (JTC)” ertinya Jawatankuasa Teknikal Bersama yang ditubuhkan bagi pelaksanaan COPTPA;

4.0 SENARAI RINGKASAN

COPTPA	<i>Code of Practice For TVET Programme Accreditation</i>
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JTC	<i>Joint Technical Committee</i>
KAPPK	Kod Amalan Pentauliahan Program Kemahiran
KPPK	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
LI	Latihan Industri
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
MSIC	<i>Malaysia Standard Industrial Classification</i>
PLK	Penyedia Latihan Kemahiran
PP	Pegawai Penilai
PP (FT)	Pegawai Penilai Sepenuh Masa
PP (PT)	Pegawai Penilai Separuh Masa
PPB	Pengurus Pusat Bertauliah
PPD	Pegawai Pengesah Dalam
PPL	Pegawai Pengesah Luar
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SPKM	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
SKPK	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan

SKM 1	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1
SKM 2	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2
SKM 3	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3
TAC	<i>Technical Advisory Committee</i>
TEM	<i>Tools, Equipment and Materials</i>
TP	Tenaga Pengajar

5.0 KRITERIA DAN STANDARD COPTPA

5.1 Standard COPTPA

Semua program yang ingin ditauliahkan hendaklah memenuhi kriteria dan standard COPTPA yang merangkumi tujuh (7) bidang yang ditetapkan seperti berikut :

- a. Bidang 1: Pembangunan Dan Penyampaian Program
- b. Bidang 2: Penilaian Pembelajaran Pelajar
- c. Bidang 3: Pemilihan Pelajar Dan Khidmat Sokongan
- d. Bidang 4: Tenaga Pengajar
- e. Bidang 5: Sumber Pendidikan
- f. Bidang 6: Pengurusan Program
- g. Bidang 7: Pemantauan Serta Semakan Semula Program Dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan

Perincian bagi setiap bidang adalah seperti di Lampiran 1.

5.2 Kriteria Pentauliahan

Penyedia Latihan Kemahiran TVET (PLK) yang ingin ditauliahkan sebagai PusatBertauliah hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- a. Premis Latihan;
- b. Pemilikan PLK;
- c. Nama PLK;
- d. Kemudahan fizikal;
- e. Struktur Kurikulum;
- f. Penasihat Teknikal Industri; dan
- g. Personel Pentauliahan

5.3 Premis Latihan

PLK hendaklah memenuhi perkara berikut:

- a. Memiliki premis atau menyewa mana-mana premis dengan baki tempoh sewaan tidak kurang daripada satu (1) tahun;
- b. Premis telah mendapat kelulusan pihak berkuasa berkaitan untuk tujuan operasi di premis yang didaftarkan;
- c. Telah mendapat kelulusan daripada agensi penguatkuasa bagi bidang kemahiran tertentu; (contoh: mendapat kelulusan agensi kerajaan bagi bidang berkaitan Jabatan Kesihatan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan sebagainya); dan
- d. Memastikan premis terletak di persekitaran yang kondusif dan selamat untuk menjalankan latihan.

5.4 Pemilikan PLK

- a. PLK telah ditubuhkan dan didaftarkan secara sah;
- b. Pemohon hendaklah mendaftarkan operasi perniagaannya dengan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan di Malaysia. Pihak berkuasa tersebut adalah seperti dinyatakan di bawah:
 - i. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pendaftaran Syarikat/ Pendaftaran Perniagaan/ Perkongsian Liabiliti Terhad);
 - ii. Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
 - iii. Pendaftaran Perniagaan (Cap 64), Ekstrak Perniagaan & Lesen Perdagangan – Borang I (negeri Sarawak);
 - iv. Lesen Perniagaan - Borang B (negeri Sabah); atau
 - v. Pendaftaran Pertubuhan (Persatuan).

- c. Aktiviti atau operasi firma / syarikat / koperasi / persatuan dan seumpamanya hendaklah melibatkan aktiviti latihan serta dinyatakan di dalam:
- i. Daftar Syarikat (Memorandum & Articles of Association);
 - ii. Daftar Perniagaan (Borang D/E);
 - iii. Undang-Undang Kecil Koperasi/Persatuan;
 - iv. Borang I (negeri Sarawak); atau
 - v. Borang B (negeri Sabah).
- d. Telah didaftarkan sebagai institusi latihan oleh mana-mana agensi kerajaan mengikut apa-apa peruntukan perundangan yang berkaitan;
- e. Pemohon hendaklah memiliki dan mengekalkan punca kewangan yang mencukupi sepanjang tempoh pendaftaran mereka.
- i. Syarikat Sendirian Berhad/Berhad
Keupayaan kewangan pemohon akan dinilai dari jumlah Modal Berbayar syarikat tersebut; atau
 - ii. Koperasi / Persatuan
Keupayaan kewangan akan dinilai berdasarkan baki tertinggi dalam bulan terkini dari penyata bank akaun semasa syarikat atau mengemukakan laporan penyata kewangan terkini yang telah diaudit.
- f. PLK yang merupakan pusat latihan awam bagi mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun adalah tidak tertakluk bagi perkara b hingga e. Namun begitu permohonan hendaklah dikemukakan melalui agensi Kerajaan yang berkaitan.

5.5 Nama PLK / PB

Nama PLK / PB hendaklah mencerminkan sebuah institusi latihan kemahiran dan diluluskan oleh KPPK dan menepati perkara berikut:

- a. Tidak menyamai dengan nama Pusat Bertauliah lain;
- b. Tidak berkait dengan nama JPK atau bahagian di bawah JPK atau apa-apa yang berkaitan dengan JPK; dan
- c. Tidak mencerminkan entiti perniagaan atau syarikat. Contohnya ABC Sdn. Bhd., XYZ Berhad dan sebagainya.

5.6 Kemudahan Fizikal

5.6.1 Infrastruktur

PLK / PB hendaklah menyediakan kemudahan infrastruktur berdasarkan program dan kapasiti pelatih yang dimohon. Infrastruktur yang disediakan hendaklah bersesuaian dan mencukupi serta mengutamakan empat (4) elemen berikut iaitu aspek keselamatan, pengalihan udara yang baik, pencahayaan yang mencukupi dan keluasan yang bersesuaian. Infrastruktur terdiri daripada:

- a. Bilik kuliah;
- b. Bengkel latihan;
- c. Kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi; dan
- d. Lain-lain kemudahan tambahan yang disediakan.

PLK / PB perlu memastikan persekitaran dan penempatan peralatan hendaklah bersesuaian dengan program yang dimohon.

5.6.2 Kelengkapan, Peralatan dan Bahan Latihan

Bagi **Modul Teras Disiplin**, PLK / PB hendaklah memastikan kelengkapan, peralatan dan bahan latihan mengikut NOSS seperti berikut:

- a. mencukupi mengikut bilangan pelatih;
- b. berfungsi dengan baik dan selamat untuk digunakan;
- c. mematuhi mana-mana undang-undang yang berkaitan; dan
- d. memenuhi keperluan pelesenan (jika berkaitan)

Bagi **Modul Wajib**, PLK / PB hendaklah memastikan kelengkapan, peralatan dan bahan latihan adalah tertakluk kepada keperluan modul berkenaan. PLK / PB hendaklah menyediakan kemudahan fizikal dan peralatan yang mencukupi mengikut kapasiti pelatih yang dimohon. Walau bagaimanapun, PLK / PB boleh menggunakan peralatan dan kemudahan di premis luar tidak lebih daripada 40% untuk aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Bagi maksud tersebut, PLK / PB hendaklah mengemukakan bukti kerjasama dengan rakan industri / pihak lain yang berkaitan yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- a. Tempoh perjanjian kerjasama yang jelas;
- b. Maklumat lengkap rakan kerjasama termasuk nama, lokasi rakan industri / pihak lain yang berkaitan, nombor telefon, nombor faksimili, emel dan lain-lain;
- c. Jadual pelaksanaan latihan kemahiran dan penilaian yang lengkap dan telah dipersetujui oleh kedua-dua

pihak; dan

d. Tanggungjawab rakan industri / pihak lain berkaitan:

- i. membenarkan pegawai JPK, Pengajar TVET dan Ahli Panel TVET yang dilantik oleh JPK untuk membuat pemeriksaan, pemantauan, penilaian dan verifikasi;
- ii. membenarkan Pegawai yang diberi kuasa oleh KPPK menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen 38 Akta 652 ke premis rakan strategik untuk memastikan kesahihan latihan kemahiran dan penilaian dijalankan; dan
- iii. bertanggungjawab ke atas kebajikan serta keselamatan termasuk penyelenggaraan peralatan oleh pihak-pihak yang terlibat sepanjang sesi latihan kemahiran dilaksanakan.

5.7 Struktur Kurikulum

Struktur kurikulum hendaklah dibangunkan berasaskan NOSS yang sedang berkuatkuasa. Pusat Bertauliah hendaklah menyediakan kurikulum latihan yang dibahagikan kepada dua (2) iaitu:

5.7.1 Modul Teras (*Discipline Core Modules*)

Modul Teras (*Discipline Core Modules*) ini mengandungi:

- a. Laluan latihan (*Training pathway*);
- b. *Course of Study* atau apa-apa pakej pembelajaran yang memenuhi keperluan NOSS yang berasaskan Unit Kompetensi(*Competency Unit, CU*) dan Aktiviti kerja (*Work activity, WA*) atau Duti (*Duty*) dan Tugas (*Task*);
- c. Pelan pelaksanaan latihan:
 - i. Jadual latihan mingguan sepanjang tempoh pelaksanaan program latihan; dan

- ii. Jadual penilaian merangkumi Penilaian Kerja Kursus (PKK) dan Penilaian Akhir (PA).
- d. Bahan Pengajaran
 - i. Jadual Pembahagian WIM (JPW);
 - ii. Jadual Penetapan Peratusan Masa Aktiviti Pembelajaran dan Penilaian;
 - iii. Jadual Penilaian;
 - iv. Bahan / Pelan Mengajar Teori; dan
 - v. Bahan / Pelan Mengajar Amali.
- e. Dokumen Penilaian Kerja Kursus (PKK) dan Penilaian Akhir (PA) setiap CU;
 - i. PKK-Pengetahuan;
 - ii. PKK-Prestasi;
 - iii. PA-Pengetahuan; dan
 - iv. PA-Prestasi
- f. Bahan-bahan Pembelajaran Bertulis / Bercetak yang digunakan seperti Kertas penerangan, Kertas Tugas, Kertas Kerja, buku rujukan, Manual latihan dan sebagainya.
- g. Pendedahan Industri (bagi Tahap 1 dan 2).
- h. Latihan Industri (bagi Tahap 3 ke atas).
- i. Projek Tahun Akhir (bagi Tahap 4 dan 5).

5.7.2 Modul Wajib (*Compulsory Modules*)

Modul Wajib (*Compulsory Modules*) mengandungi:

5.7.2.1 *Core Abilities*

Kandungan *Core Abilities*

- a. Jadual pemetaan *Core Abilities* vs NOSS (CA vs CU) dalam bentuk Matriks perbandingan;

- b. Pelan pelaksanaan latihan:
 - i. Jadual latihan mingguan sepanjang tempoh pelaksanaan program latihan;
 - ii. Jadual penilaian pengetahuan.
- c. Dokumen Penilaian Pengetahuan Kerja Kursus setiap CA;
- d. Borang Penilaian Prestasi CA; dan
- e. Kertas Penerangan CA hendaklah disediakan mengikut kesesuaian program yang dipohon.

5.7.2.2 Modul Penyedia TVET

Modul Penyedia TVET adalah modul tambahan yang ditawarkan oleh PLK / PB sebagai nilai tambah bagi menyokong kompetensi yang perlu dicapai oleh seseorang pelatih untuk menjadi seorang pekerja yang berkemahiran dan berpengetahuan. Ia merupakan suatu kompetensi berkaitan kesedaran, pengetahuan, kemahiran dan sikap yang refleks kepada sesuatu bidang pekerjaan dan pelatih layak diberikan kredit bagi setiap pencapaiannya. Modul ini boleh terdiri daripada pilihan berikut:

- a. Mana-mana *Competency Unit* (CU) elektif (NOSS format CU) atau *Duty* (NOSS format *Duty / Task*) dalam kumpulan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MISC) yang sama;
- b. Kombinasi *Work Activities* (WA) daripada beberapa CU NOSS (NOSS format CU) atau *Task* (NOSS format *Duty / Task*) dalam kumpulan MSIC yang sama;
- c. Mana-mana *National Competency Standard* (NCS) yang berkaitan dengan program yang ditawarkan;
- d. Modul Keusahawanan;
- e. Mata Pelajaran Umum; atau
- f. Lain-lain modul yang memberi nilai tambah dalam

pelaksanaan program.

PB/PLK perlu menyediakan dokumen berikut bagi melaksanakan Modul Penyedia TVET:

- a. Senarai Modul Penyedia TVET;
- b. Ringkasan pembelajaran (*Course Outline*);
- c. Jadual pelaksanaan; dan
- d. Penilaian Modul Penyedia TVET.

5.7.2.3 Modul Pendedahan Industri (PI) dan Latihan Industri (LI)

PI dilaksanakan pada program Tahap 1 dan Tahap 2. Modul ini tidak membawa sebarang nilai kredit. LI dilaksanakan pada program Tahap 3, Tahap 4 dan Tahap 5 dengan memberi nilai kredit kepada pelatih.

5.8 Personel Pentauliahan

- a. PLK / PB yang memohon pentauliahan hendaklah melantik personel pentauliahan yang terdiri daripada Pengurus Pusat Bertauliah (PPB) dan Pengajar TVET. PLK / PB dibenarkan melantik Tenaga Pengajar (TP) untuk membantu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). PP perlu dilantik bagi setiap program manakala PPD pula dilantik mengikut Bahagian dalam Daftar NOSS.
- b. Semua personel pentauliahan hendaklah mendapatkan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP). Pusat Bertauliah hendaklah memastikan semua personel memperolehi PPKSPP sebelum mendaftar pelatih.
- c. Bilangan pengajar tetap (FT) hendaklah sekurang-nya-kurangnya 60%

dari jumlah keseluruhan pengajar bagi setiap program. Rujuk Jadual 2 untuk contoh situasi pematuhan 60% PP (FT).

5.8.1 Pengurus Pusat Bertauliah (PPB)

5.8.1.1 Peranan dan Tanggungjawab

- a. Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
- b. Menjadi pegawai perhubungan di antara JPK dan Pusat Bertauliah;
- c. Bertanggungjawab dalam mematuhi apa-apa peraturan dan arahan JPK berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
- d. Memastikan program yang ditawarkan telah ditauliahkan dan menepati kehendak NOSS;
- e. Melantik PPD, PP dan TP mengikut syarat dan kriteria ditetapkan oleh JPK;
- f. Mengambil tindakan susulan terhadap maklumbalas dan cadangan penambahbaikan berterusan; dan
- g. Menyediakan pelan perancangan dan pelaksanaan bagi PP mengikuti latihan sangkutan industri untuk tempoh kumulatif satu (1) bulan dalam setiap dua (2) tahun.

5.8.1.2 Syarat dan Kriteria

- a. Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap;
- b. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;

- c. Ketua kepada organisasi atau pegawai yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir organisasi berkenaan;
- d. Berkhidmat di satu PLK / PB sahaja; dan
- e. Lulus Kursus Induksi Pentauliah PP/ PPD / PPB.

5.8.2 Pegawai Pengesah Dalam (PPD)

5.8.2.1 Peranan dan Tanggungjawab

- a. Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran di dalam Bahagian merujuk kepada Daftar NOSS;
- b. Merangka prosedur dan dokumen pelaksanaan latihan kemahiran di Pusat Bertauliah;
- c. Mengawal dan memantau sistem jaminan mutu latihan dan penilaian dalaman mengikut kehendak NOSS; dan
- d. Memastikan penilaian dijalankan secara seragam dan sempurna mengikut kehendak NOSS dan apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh JPK.

5.8.2.2 Syarat dan Kriteria

- a. Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap;
- b. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- c. Berkhidmat di satu PLK / PB sahaja;
- d. Lulus Kursus Induksi Pentauliah PP / PPD / PPB; dan
- e. Memiliki Kelayakan sebagai PPD sebagaimana Jadual 1:Kelayakan PP dan PPD.

5.8.3 Pegawai Penilai (PP)

5.8.3.1 Peranan dan Tanggungjawab

- a. Merangka prosedur latihan dan penilaian latihan bersama PPD;
- b. Menjelaskan kepada pelatih tentang objektif, keperluan latihan dan penilaian keterampilan berdasarkan NOSS;
- c. Melaksanakan proses latihan dan penilaian dengan kebolehpercayaan, telus dan sah;
- d. Membimbing pelatih dalam penyediaan rekod bukti keterampilan;
- e. Memantau perkembangan prestasi dan membimbing pelatih pada setiap keterampilan; dan
- f. Melaksana keperluan pendaftaran dan persijilan melalui sistem yang ditetapkan.

5.8.3.2 Syarat dan Kriteria

- a. Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap;
- b. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- c. Berkhidmat di satu PLK / PB sahaja;
- d. Lulus Kursus Induksi PP / PPD / PPB;
- e. Bagi bidang-bidang yang mempunyai kaitan dengan badan penguatkuasaan dan pelesenan, perlu mematuhi syarat- syarat yang ditetapkan oleh badan berkuasa berkaitan seperti di Lampiran 2; dan
- f. Memiliki Kelayakan sebagai PP sebagaimana Jadual 1:Kelayakan PP dan PPD.

Jadual 1: Kelayakan PP dan PPD

Tahap Kelayakan Persijilan	Kelayakan Pengajar*	Personel Pentauliahan	
		PP	PPD
SKM 1 & SKM 2	Mempunyai kompetensi dalam bidang dengan kelayakan: a. Sekurang-kurangnya SKM Tahap 3 dalam program berkaitan; ATAU b. Sijil Tahap 3 MQF TVET dalam bidang berkaitan atau Tahap yang tertinggi dalam bidang berkaitan; ATAU c. Diploma MQF TVET dalam bidang berkaitan;ATAU d. Diploma dalam bidang berkaitan dengan 1 tahun pengalaman industri; ATAU e. Memiliki minima 5 tahun pengalaman industri dalam bidang berkaitan. DAN	√	√
	Mempunyai kompetensi mengajar bidang TVET dengan kelayakan:	√	

DKM	Mempunyai kompetensi dalam bidang dengan kelayakan: a. DLKM dalam program berkaitan; ATAU b. Diploma Lanjutan MQF TVET dalam bidang berkaitan; ATAU c. Ijazah Sarjana Muda MQF TVET dalam bidang berkaitan; ATAU d. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan dengan 1 tahun pengalaman industri; ATAU e. Memiliki minima 7 tahun pengalaman industri dalam bidang berkaitan. DAN Mempunyai kompetensi mengajar bidang TVET dengan kelayakan: a. Sekurang-kurangnya SKM Tahap 3 dalam Program Operasi Latihan Vokasional; atau b. Sijil Teknik Mengajar (Lampiran 3).	√	√
		√	

DLKM	Mempunyai kompetensi dalam bidang dengan kelayakan: a. DLKM dalam bidang berkaitan; ATAU b. Diploma Lanjutan MQF TVET dengan minima satu (1) tahun pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan; ATAU c. Ijazah Sarjana Muda MQF TVET dalam bidang berkaitan dengan minima dua (2) tahun pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan; ATAU d. Ijazah Sarjana Muda (MQF Tahap 6) dalam bidang berkaitan dengan minima 2 tahun pengalaman industri; ATAU e. Memiliki minima 10 tahun pengalaman industri dalam bidang berkaitan. DAN Mempunyai kompetensi mengajar bidang TVET dengan kelayakan: a. Sekurang-kurangnya SKM Tahap 3 dalam Program Operasi Latihan Vokasional; atau b. Sijil Teknik Mengajar (Lampiran 3).	√	√
		√	

*Nota

Bagi mana-mana NOSS yang dibangunkan hanya pada Tahap 1 atau 2 atau 3 atau 4, kelayakan pengajar adalah dibenarkan pada tahap yang sama namun masih perlu memiliki kompetensi mengajar bidang TVET dengan kelayakan yang ditetapkan.

5.8.3.3 Kategori Pegawai Penilai

Pegawai Penilai (PP) terbahagi kepada dua (2) iaitu:

Kategori	Keterangan
Pegawai Penilai Sepenuh Masa (PP-FT)	Pengajar TVET yang berstatus pekerja tetap dan mengajar program yang ditauliahkan *20 jam atau lebih seminggu; dan Jumlah keseluruhan PP-FT tidak kurang 60% daripada jumlah keseluruhan Pengajar TVET.
Pegawai Penilai Separuh Masa (PP-PT)	Pengajar TVET yang berstatus pekerja bukan tetap dan dilantik oleh Pusat Bertauliah untuk mengajar program yang ditauliahkan; dan Jumlah keseluruhan PP-PT tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan Pengajar TVET.

* Sumber rujukan Jabatan Tenaga Kerja (JTK)

Jadual 2 : Contoh Situasi Pemuatan 60% PP (FT)

Situasi	Pengajar TVET		Catatan
	PP (FT) >60%	PP (PT) <40%	
A	1 (100%)	-	Mematuhi syarat 60%bilangan PP(FT)
B	2 (100%)	-	
C	2 (66.6%)	1 (33.3%)	
D	2 (50.0%)	2 (50.0%)	Tidak mematuhi syarat kerana bilangan PP(FT)kurang daripada 60%

5.8.4 Tenaga Pengajar (TP)

PLK / PB dibenarkan melantik Tenaga Pengajar (TP) secara sepenuh masa (FT)atau separuh masa (PT).

5.8.4.1 Peranan dan Tanggungjawab

- a. Membantu Pegawai Penilai (PP) dalam melaksanakan latihan;
- b. Menjelaskan kepada pelatih tentang objektif dan keperluan latihan program yang ingin diikuti;
- c. Membantu PP dalam proses PdP sebagaimana berikut:
 - i. Membimbing calon dalam penyediaan rekod bukti keterampilan;
 - ii. Memantau perkembangan prestasi dan membimbing pelatih pada setiap keterampilan; dan
 - iii. Mematuhi arahan yang ditetapkan oleh PLK / PB.

5.8.4.2 Syarat dan Kriteria

- a. Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap;
- b. Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB;
- c. Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan dan diperakui oleh JPK; dan
- d. Bagi program yang mempunyai kaitan dengan badan penguatkuasaan dan pelesenan, TP perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan berkuasa berkaitan.

5.9 Kapasiti Pelatih

Kapasiti pelatih setiap program adalah merujuk kepada bilangan maksima pelatih berdasarkan kepada empat (4) kriteria utama seperti berikut:

a. Bilangan Pengajar TVET;

Pusat Bertauliah hendaklah memenuhi minima 60% Pengajar TVET(FT). Walau bagaimanapun Pusat Bertauliah dibenarkan untuk menggunakan khidmat TP bagi tujuan PdP dengan menggunakan khidmat seorang PP dengan dibantu seorang TP. Ketetapan nisbah pengajar kepada pelatih adalah 1:25 bagi setiap program. Rujuk Jadual 3 untuk contoh pengiraan kapasiti pelatih berdasarkan bilangan pengajar.

Jadual 3: Contoh Pengiraan Kapasiti Berdasarkan Bilangan Pengajar TVET

Situasi	Bil. Pengajar TVET				Kapasiti Permohonan	Kapasiti Maksimum Pelatih (Tertakluk Kepada TEM)
	PP (FT)	TP(FT)	PP (PT)	TP (PT)		
	≥60%		≤40%			
A	1	1	-	-	50	50
B	2	2	-	-	100	100
C	2	2	1	1	150	125
D	2	2	2	2	200	125

*Bagi situasi C, kapasiti maksimum pelatih yang boleh diluluskan adalah 125 pelatih. Ianya mengambil kira 50 kapasiti pelatih bagi 2 bilangan PP(FT), 50 kapasiti bagi 2 bilangan TP(FT) dan 25 sahaja kapasiti bagi kombinasi 1 PP(PT) dan 1 bilangan TP(PT). Namun begitu, kelulusan kapasiti adalah tertakluk kepada jumlah TEM dan penjadualan (sekiranya ada).

*Walau bagaimanapun, kapasiti maksima pelatih yang boleh diluluskan adalah tertakluk kepada TEM dan penjadualan latihan yang dicadangkan oleh PLK / PB.

*Kelulusan minima kapasiti setiap program adalah 10 pelatih.

- b. **Peralatan** latihan yang memenuhi nisbah pelatih berdasarkan TEM dalam NOSS;
- c. **Keupayaan dan kesesuaian premis latihan** untuk menampung bilangan pelatih dengan kapasiti yang dimohon; dan
- d. **Penjadualan latihan** yang melibatkan penggunaan peralatan dan personel pentauliahan terlibat.

Kapasiti yang diluluskan adalah merujuk kepada kapasiti pelatih yang dibenarkan untuk sesuatu program yang ditauliahkan bagi pelaksanaan latihan. Kapasiti bagi sesuatu tahap / program tidak boleh dikongsikan dengan program lain.

6.0 STRUKTUR PENTAULIAHAN PROGRAM

6.1 Kategori Pentauliahan

Kategori pentauliahan terbahagi kepada dua (2) iaitu Pentauliahan Program Mengikut Tahap dan Program Tahap Tunggal.

6.2 Pentauliahan Program Mengikut Tahap

Pentauliahan Program Mengikut Tahap merujuk kepada satu program NOSS pada satu tahap dan bidang berdasarkan Daftar NOSS terkini.

6.3 Pentauliahan Program Tahap Tunggal

Pentauliahan Program Tahap Tunggal merujuk kepada kombinasi dua (2) atau lebih program latihan kemahiran sehingga tahap persijilan yang tertinggi dalam laluan program tersebut. Pelaksanaan latihan Program Bertauliah secara Persijilan Tahap Tunggal terbahagi kepada dua (2) iaitu:

- a. Persijilan Tahap Tunggal – Mengikut Tahap (TT- MT)
 - i. Latihan dilaksanakan bermula dari tahap terendah ke tahap tertinggi;
 - ii. Pelatih hendaklah terampil tahap terendah sebelum meneruskan latihan ke tahap yang lebih tinggi; dan
 - iii. Sijil akan dianugerahkan pada tahap tertinggi yang berjaya dicapai oleh pelatih.
- b. Persijilan Tahap Tunggal – Tidak Mengikut Tahap (TT-TMT)
 - i. Persijilan Tahap Tunggal – Tidak Mengikut Tahap adalah merupakan suatu kaedah latihan di mana kurikulum yang dibangunkan terdiri daripada kombinasi beberapa CU / tugas (*task*) dari tahap yang berlainan atau secara bercampur (*blended*) dalam satu modul mengikut kumpulan program bertauliah yang diluluskan.

- ii. Latihan dilaksanakan mengikut modul yang dibangunkan oleh Pusat Bertauliah; dan
- iii. Tiada Sijil dianugerahkan kepada pelatih yang gagal menamatkan latihan.

7.0 TEMPOH LATIHAN

Tempoh latihan yang ditetapkan bagi program mengikut tahap dan program persijilan tahap tunggal adalah seperti Jadual 4: Tempoh Latihan Minima Program Mengikut Tahap (MT) dan Jadual 5: Tempoh Latihan Minima Program Tahap Tunggal (TT).

Jadual 4: Tempoh Latihan Minima Program Mengikut Tahap (MT)

TAHAP PERSIJILAN	TEMPOH LATIHAN (JAM)	KREDIT MINIMUM
SKM TAHAP 1	600	15
SKM TAHAP 2	600	15
SKM TAHAP 3	1,200 (termasuk 3 bulan LI)	30
SKM TAHAP 2 (BAGI NOSS BERMULA TAHAP 2)	1,200	30
SKM TAHAP 3 (BAGI NOSS BERMULA TAHAP 3)	2,400 (termasuk 3 bulan LI)	60
DKM	1,200 (termasuk 4 bulan LI)	30
DKM (BAGI NOSS BERMULA TAHAP 4)	3,600 (termasuk 4 bulan LI)	90
DLKM	1,600 (termasuk 4 bulan LI)	40
DLKM (BAGI NOSS BERMULA TAHAP 5)	5,200 (termasuk 4 bulan LI)	130

Nota:

* Bagi program melibatkan NOSS yang tidak bermula dengan Tahap 1, tempoh latihan hendaklah mengambil kira tempoh latihan bermula Tahap 1.

Jadual 5: Tempoh Latihan Minima Program Tahap Tunggal (TT)

TAHAP PERSIJILAN	KUMPULAN PROGRAM / KOMBINASI TAHAP PERSIJILAN	TEMPOH LATIHAN (dalam jam)	KREDIT MINIMUM
SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) TAHAP 2	TAHAP TUNGGAL (TT) P1 Kombinasi SKM Tahap 1 & SKM Tahap 2	1,200	30
SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) TAHAP 3	TAHAP TUNGGAL (TT) A1 Kombinasi SKM Tahap 1, SKM Tahap 2 & SKM Tahap 3	2,400 Termasuk 3 bulan Latihan Industri (LI)	60
	TAHAP TUNGGAL (TT) A2 Kombinasi SKM Tahap 2 & SKM Tahap 3 (Bagi NOSS bermula Tahap 2)	2,400 Termasuk 3 bulan Latihan Industri (LI)	60
DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (DKM) TAHAP 4	TAHAP TUNGGAL (TT) B1 Kombinasi SKM Tahap 1, SKM Tahap 2, SKM Tahap 3 & SKM Tahap 4	3,600 (termasuk Projek Akhir) Termasuk 4 bulan Latihan Industri (LI)	90
	TAHAP TUNGGAL (TT) B2 Kombinasi SKM Tahap 2, SKM Tahap 3 & SKM Tahap 4 (Bagi NOSS bermula Tahap 2)	3,600 (termasuk Projek Akhir) Termasuk 4 bulan Latihan Industri (LI)	90
	TAHAP TUNGGAL (TT) B3(a) Kombinasi SKM Tahap 3 & SKM Tahap 4 (Bagi NOSS mempunyai Tahap 1 atau 2)	3,600 (termasuk Projek Akhir) Termasuk 4 bulan Latihan Industri (LI)	90
	TAHAP TUNGGAL (TT) B3(b) Kombinasi SKM Tahap 3 & SKM Tahap 4 (Bagi NOSS bermula Tahap 3)	3,600 (termasuk Projek Akhir) Termasuk 4 bulan Latihan Industri (LI)	90

8.0 NILAI MATA KREDIT

- 8.1 Nilai 1 kredit adalah bersamaan 40 jam notional dan jumlah kredit minimum menentukan norma tempoh latihan bagi setiap tahap.
- 8.2 Kredit diberikan bagi setiap CU atau modul yang telah dilengkapkan oleh pelatih.
- Perekodan penilaian dan penjanaaan gred mengikut CU atau modul serta pangkalan data persijilan diuruskan secara dalam talian.
 - Struktur Kurikulum dan Nilai Kredit Setiap Tahap Bagi Pelaksanaan Kredit Melalui Kaedah SLaPB adalah seperti di Jadual 6.
 - Struktur Kurikulum dan Nilai Kredit Kumpulan Program Bertauliah Bagi Program Tahap Tunggal dalam Pelaksanaan Kredit Melalui Kaedah SLaPB adalah seperti di Jadual 7.

Jadual 6: Struktur Kurikulum dan Nilai Kredit Setiap Tahap Bagi Program Mengikut Tahap

Kelayakan/ Tahap	Struktur Kurikulum	Kredit Minimum Mengikut Tahap
Sijil / Tahap 1	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET	1 1
	2. Modul Teras a. NOSS	13
	3. Pendedahan Industri	0
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM SKM TAHAP1	15
Sijil / Tahap 2	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET	1 1
	2. Modul Teras a. NOSS	13
	3. Pendedahan Industri	0
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM SKM TAHAP 2	15

Sijil / Tahap 3	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET	2 2
	2. Modul Teras (70% daripadanya mesti berorientasikan praktikal)	20
	3. Latihan Industri (3 bulan)	6
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM SKM TAHAP 3	30
Diploma/ Tahap 4	1. Modul Wajib a. Core Abilities	2
	b. Modul Penyedia TVET	1
	2. Modul Teras a. NOSS b. Projek Akhir	15 4
	3. Latihan Industri (4 bulan)	8
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM DKM TAHAP 4	30
Diploma Lanjutan/ Tahap 5	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET	2 6
	2. Modul Teras a. NOSS b. Projek Akhir	20 4
	3. Latihan Industri (4 bulan)	8
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM DLKM TAHAP 5	40

Jadual 7: Struktur Kurikulum dan Nilai Kredit Kumpulan Program Bertauliah Bagi Program Persijilan Tahap Tunggal (TT)

Kumpulan Bertauliah / Kombinasi Tahap	Struktur Kurikulum	KREDIT MINIMUM
Tahap Tunggal (TT) 1 (Kombinasi Tahap 1 dan Tahap 2)	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET 2. Modul Teras a. NOSS 3. Pendedahan Industri	2 2 26 0
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM SKM TAHAP 2	30*

Tahap Tunggal (TT) 2 Kombinasi Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 Atau Tahap Tunggal (TT) 3 Kombinasi Tahap 2 dan Tahap 3	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET 2. Modul Teras a. NOSS 3. Latihan Industri (3 bulan)	4 4 46 6
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM SKM TAHAP 3	60*
Tahap Tunggal (TT) 4 Kombinasi Tahap 1, Tahap 2, Tahap 3 dan Tahap 4 Atau Tahap Tunggal (TT) 5 Kombinasi Tahap 2, Tahap 3 dan Tahap 4 Atau Tahap Tunggal (TT) 6 Kombinasi Tahap 3 dan Tahap 4 (Bagi NOSS bermula Tahap 1 atau 2) Atau	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET 2. Modul Teras a. NOSS b. Projek Akhir 3. Latihan Industri (4 bulan)	6 11 61 4 8
Tahap Tunggal (TT) 7 Kombinasi Tahap 3 dan Tahap 4 (Bagi NOSS bermula Tahap 3)		
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM DKM – TAHAP 4	90*

*Kumulatif – terdapat pada kredit pada tahap rendah telah dilengkapkan tertakluk kepada Kumpulan Program.

9.0 PERMOHONAN PENTAULIAHAN

- a. Permohonan Pentaualiahan Program boleh dikategorikan kepada lima (5) jenis seperti berikut:
 - i. Pentaualiahan Program Baharu (Pusat Bertauliah Baharu)
 - ii. Penambahan Program Bertauliah
 - iii. Pembaharuan Program Bertauliah
 - iv. Pindaan Maklumat Pentaualiahan
 - Pindaan Kapasiti Pelatih
 - Pindah Premis Pusat Bertauliah
 - Tambah Premis Latihan
 - Pindaan Nama Pusat Bertauliah
 - Pindaan Nama Syarikat Pemilik
 - Pindaan Pemilik Syarikat
 - Pindaan Mod Latihan (Sepenuh dan/atau Separuh Masa)
 - Pindaan Status Kelulusan Pentaualiahan
 - v. Penamatan Pentaualiahan Program
- b. PLK/PB hendaklah melengkapkan permohonan secara dalam talian dan menyediakan dokumen-dokumen seperti yang ditetapkan. Rujuk Lampiran 4 untuk perincian ketetapan dokumen yang perlu dihantar ke JPK untuk memproses permohonan dan dokumen untuk semakan semasa lawatan.
- c. Bayaran fi bagi permohonan pentaualiahan hendaklah dikemukakan mengikut kadar fi yang berkuatkuasa bagi kategori permohonan berikut:
 - i. Pentaualiahan Program Baharu (Pusat Bertauliah Baharu)
 - ii. Penambahan Program Bertauliah
 - iii. Pembaharuan Program Bertauliah
 - iv. Pindaan Maklumat Pentaualiahan – Kapasiti Pelatih Tambahan
 - v. Pindaan Maklumat Pentaualiahan – Pindah Premis

- vi. Pindaan Maklumat Pentauliahan – Tambah Premis
 - vii. Pindaan Maklumat Pentauliahan – Penambahan atau Pengurangan Bilangan Unit Kompetensi Elektif
 - viii. Permohonan Pentauliahan secara gabungan bagi Penambahan Program atau Pembaharuan Program dengan Pindaan Maklumat (Pindah Premis, Penambahan Premis dan Kapasiti Tambahan) untuk program yang sama
- d. Bayaran boleh dibuat secara:
- i. Dalam talian FPX (*Financial Process Exchange*) melalui sistem MySPIKE;
 - ii. Pesanan Kerajaan (e-Perolehan); atau
 - iii. Dalam bentuk Kiriman Wang atau Deraf Bank atas nama **‘KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN’** dengan tempoh sahlaku sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh permohonan diterima;
- e. Bagi Permohonan Pembaharuan Program Bertauliah, Pusat Bertauliah sedia ada hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan pentauliahan program yang dimohon kepada KPPK sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dan tidak melebihi enam (6) bulan sebelum tamat tempoh pentauliahan program berkenaan.
- f. Bagi permohonan Pindaan Maklumat Pentauliahan :
- a. Tambahan Premis Latihan:
PB hendaklah melengkapkan segala peralatan dan kemudahan latihan di premis tambahan. Jarak premis hendaklah dalam lingkungan 25 km daripada premis utama.
 - b. Pindah Premis Latihan:
PB hendaklah melengkapkan segala peralatan dan kemudahan latihan di premis baharu dan memastikan tiada

pengambilan pelatih dibuat sehingga permohonan diluluskan.

- c. Pindaan Personel Pentauliah dilakukan apabila berlakunya pertukaran, penamatan atau pertambahan personel di dalam Pusat Bertauliah. Mana-mana Pusat Bertauliah yang ingin meminda personel pentauliah hendaklah mengemukakan permohonan secara dalam talian merujuk kepada CIAST.

10.0 TADBIR URUS PUSAT BERTAULIAH

Pusat Bertauliah hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut iaitu:

10.1 Pelaksanaan Latihan

- a. Menjalankan program bertauliah di premis yang telah ditauliahkan sahaja dan sekiranya terdapat latihan yang dijalankan di luar premis, hendaklah mendapat kelulusan KPPK;
- b. Mengambil pelatih berdasarkan kapasiti yang diluluskan oleh KPPK;
- c. Memastikan personel pentauliah (PP/PPD/PPB) memenuhi kriteria dan mendapat perakuan daripada KPPK;
- d. Menubuhkan Panel Penilaian Pusat Bertauliah (PPPB);
- e. Melantik Penasihat Teknikal (*Technical Advisor*, TA) mengikut bahagian dalam Daftar NOSS;
- f. Menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Teknikal (*Technical Advisory Committee*, TAC);
- g. Menerangkan struktur yuran latihan yang jelas kepadapelatih;
- h. Mematuhi arahan JPK untuk memperbaiki sebarang kekurangan atau ketidaksesuaian dalam hal-hal berkaitan kemudahan/peralatan/kaedah latihan dan penilaian;
- i. Mempamerkan di papan kenyataan atau lain-lain tempat yang mudah dilihat oleh orang awam bagi perkara berikut:
 - i. Sijil Pentauliah;

- ii. Carta organisasi dengan menyenaraikan personel pentauliah yang terlibat bagi program yang dipertanggungjawabkan;
- j. Menjalankan pengesanan pelatih yang telah tamat latihan (*tracer study*) bagi mendapatkan maklumat keberkesanan latihan dan kebolehkeraan (*employability*).

10.2 Penasihat Teknikal (*Technical Advisor, TA*)

Melantik Penasihat Teknikal (*Technical Advisor, TA*) yang memenuhi kriteria seperti berikut:

a. Kriteria TA

- a. Dilantik di kalangan pengamal industri dengan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidangnya;
- b. Berumur sekurang-kurangnya 23 tahun; dan
- c. Sekurang-kurangnya dilantik sebagai Penyelia di sesebuah syarikat atau organisasi.

b. Tanggungjawab TA

- a. Mempengerusikan Mesyuarat *Technical Advisory Committee*, TAC;
- b. Bertanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada Pusat Bertauliah mengenai latihan kemahiran dalam sektor program yang berkaitan;
- c. Menyemak soalan-soalan dan skema jawapan yang digubal Pusat Bertauliah termasuk kertas soalan Peperiksaan Akhir;
- d. Memberi input dan cadangan secara berterusan melalui penyertaan dalam mesyuarat atau forum diskusi, atau melalui TAC bertujuan bagi menambah baik program; dan
- e. Berperanan sebagai perantara dengan pihak industri bagi

program yang dilaksanakan, seperti Latihan Industri Pelatih, Latihan Sangkutan Industri (LSI) Pengajar TVET, projek-projek teknikal, kerja lapangan pelatih, kerja sosial atau lain-lain jalinan kerjasama yang boleh dilaksanakan untuk peningkatan latihan program; dan

- f. Memenuhi semua kriteria Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA) sepertimana yang disenaraikan dalam Instrumen Penilaian Pentauliah Berasaskan COPTPA.

10.3 Jawatankuasa Penasihat Teknikal (*Technical Advisory Committee, TAC*)

Melantik Jawatankuasa Penasihat Teknikal (*Technical Advisory Committee, TAC*) yang memenuhi:

a. Keahlian

- a. Dianggotai oleh sekurang-kurangnya seorang TA bagi setiap bidang, PPB, PPD dan PP;
- b. Pengerusi dilantik dikalangan TA; dan
- c. PPB dilantik sebagai setiausaha.

b. Tanggungjawab TAC

- a. Melaksanakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun;
- b. Mengesahkan soalan-soalan dan skema jawapan yang digubal oleh Pusat Bertauliah termasuk kertas soalan Peperiksaan Akhir;
- c. Mengesahkan cadangan pelaksanaan kerjasama antara Pusat Bertauliah dengan pihak industri untuk peningkatan latihan program; dan
- d. Memantau dan mengesahkan jaminan kualiti sistem penilaian yang dilaksanakan oleh Pusat Bertauliah.

10.4 Panel Penilaian Pusat Bertauliah (PPPB)

Menubuhkan Panel Penilaian Pusat Bertauliah (PPPB);

a. **Keahlian**

- a. Pengurus Pusat Bertauliah (PPB);
- b. Pegawai Pengesah Dalam (PPD); dan
- c. Pegawai Penilai (PP) dan TP sebagai ahli sementara.

b. **Tanggungjawab PPPB**

- a. Merangka prosedur penilaian dalam;
- b. Memastikan dokumentasi penilaian yang seragam;
- c. Meluluskan kandungan dokumen pembelajaran & penilaian;
- d. Meluluskan kaedah penilaian;
- e. Mengawasi dan memastikan kesahihan pelaksanaan penilaian;
- f. Memantau sistem jaminan mutu;
- g. Mengadakan mesyuarat panel penilaian sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun;
- h. Menyediakan minit mesyuarat panel penilaian untuk verifikasi PPL; dan
- i. Merekodkan minit mesyuarat semasa lawatan PPL.

11.0 KELULUSAN PENTAULIAHAN

Sijil Pentaualihan hanya akan dikeluarkan kepada mana-mana Pusat Bertauliah yang diluluskan pentaualihan program bertauliah. Tempoh sah kelulusan pentaualihan adalah tiga (3) tahun.

Pusat Bertauliah digalakkan untuk mendaftarkan program yang telah ditauliahkan di dalam Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Register*, MQR) yang dikawalselia oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Proses pendaftaran MQR seperti di Lampiran 5.

12.0 MEMPAMERKAN SIJIL PENTAULIAHAN

Pusat Bertauliah yang telah ditauliahkan program latihannya hendaklah mempamerkan salinan Sijil Pentaualiahan yang masih sah tempoh pentaualiahan di ruang premis latihan yang bersesuaian dan mudah dilihat. Kegagalan mempamerkan Sijil Pentaualiahan oleh mana-mana Pusat Bertauliah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 58 Akta 652.

13.0 TANGGUNGJAWAB PUSAT BERTAULIAH

Pusat Bertauliah perlu memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- a. Menjaga imej Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
- b. Melaksanakan latihan di premis yang telah mendapat kelulusan pentaualiahan JPK sahaja;
- c. Mempamer atau menyiar sebarang iklan atau publisiti berkaitan pentaualiahan yang tepat dalam mana-mana media cetak / elektronik;
- d. Membuat pengambilan pelatih mengikut kapasiti yang telah diluluskan; dan
- e. Pusat Bertauliah hendaklah bertanggungjawab menyelesaikan segala urusan latihan dan penilaian pelatih.

14.0 GANTIAN SIJIL PENTAULIAHAN YANG HILANG ATAU ROSAK

Pusat Bertauliah hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada KPPK bagi mendapatkan gantian Sijil Pentaualiahan yang hilang atau rosak dengan menyertakan dokumen berikut:

- a. Akuan sumpah; dan
- b. Salinan Sijil Pentaualiahan (jika ada).

15.0 PENUTUP

Panduan Pentauliahan Program di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berasaskan *Code Of Practice For TVET Programme Accreditation* (COPTPA) dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan pentauliahan mematuhi syarat yang ditetapkan.

16.0 TARIKH KUAT KUASA

Panduan ini berkuat kuasa pada **1 April 2021**. Panduan pentauliahan yang terdahulu adalah **TERBATAL** sekiranya PLK/PB menggunakan panduan ini bagi tujuan pentauliahan berasaskan COPTPA.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia



PANDUAN PERMOHONAN DAN PENILAIAN PROGRAM TVET

BIDANG 1: PEMBANGUNAN DAN PENYAMPAIAN PROGRAM

STANDARD TVET	PANDUAN KEPADA PENYEDIA TVET BAGI MENYEDIAKAN DOKUMEN PERMOHONAN AKREDITASI PROGRAM	PANDUAN KEPADA AHLI PANEL TVET (APV) BAGI MENYEDIAKAN LAPORAN PENILAIAN PROGRAM (Sekiranya Penyedia TVET tidak memenuhi keperluan, nyatakan tindakan penambahbaikan yang diperlukan).
1.1 Objektif Pendidikan Program		
1.1.1 Objektif Pendidikan Program (<i>Programme Educational Objectives</i>, PEO) mesti selari dengan visi, misi dan matlamat Penyedia TVET.	<u>Program di bawah penilaian JPK:</u> a. Menyediakan objektif program yang selari dengan visi, misi, matlamat PLK/PB; b. Memberi penerangan hubung kait antara visi, misi dan matlamat dengan objektif program	<u>Program di bawah penilaian JPK:</u> Menyemak a. kesesuaian visi, misi, matlamat dan objektif program yang disediakan. b. hubung kait antara visi, misi dan matlamat PLK/PB dengan objektif program. Contoh bukti yang dilihat seperti: i. <i>Website</i>; ii. <i>Student's handbook</i>; iii. Poster; iv. Brosur; v. Profil Syarikat (<i>Company profile</i>); atau vi. Apa-apa dokumen yang menerangkan visi, misi dan matlamat dengan objektif program.

STANDARD TVET	PANDUAN KEPADA PENYEDIA TVET BAGI MENYEDIAKAN DOKUMEN PERMOHONAN AKREDITASI PROGRAM	PANDUAN KEPADA AHLI PANEL TVET (APV) BAGI MENYEDIAKAN LAPORAN PENILAIAN PROGRAM (Sekiranya Penyedia TVET tidak memenuhi keperluan, nyatakan tindakan penambahbaikan yang diperlukan).
1.2 Hasil Pembelajaran Program		
